

MERBAH PERUT KUNING
Yellow-bellied Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Criniger phaeocephalus*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa sub-spesies *C.p.phaeocephalus*, ia tidak mempunyai jambul dan menunjukkan kombinasi warna yang memudahkan pengecaman iaitu bahagian kepala yang berwarna kelabu kebiruan manakala bahagian antara mata dan paruh yang berwarna kelabu keputihan, dengan bahagian tekak yang berwarna putih dan bahagian bawah badan yang berwarna kuning. Saiz keseluruhan pula adalah di antara 20 sm-20.5 sm.

MAKANAN

Ia memakan buah-buahan seperti dari jenis beri, serangga, nektar dan pucuk bunga.

HABITAT

Burung ini mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap hingga ke ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini biasa ditemui di bahagian bawah kanopi pokok dan mengeluarkan bunyi tersekat-sekat, kasar, dan sedikit menderam **whi'ee whi'ee whi'ee...**

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan April hingga Ogos setiap tahun dengan burung betina menghasilkan 2 biji telur bagi setiap eraman.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.